

Mahathir - Tahniah

KUALA LUMPUR, 5 Jun. (Bernama) -- Matlamat wawasan 2020 bukan semata-mata untuk membolehkan negara mencapai tahap perindustrian yang tinggi tetapi agar rakyat negara ini dapat menikmati kehidupan lebih baik dari sekarang, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata cita-cita itu bukanlah di luar kemampuan negara untuk mencapainya.

+Apa yang perlu ialah semua pihak hendaklah memahami konsepnya dan melaksanakannya dengan berkesan,+ katanya semasa menyembahkan ucapan tahniah dan ikrar taat setia pada majlis menghadap dan istiadat pengurniaan darjah kebesaran sempena sambutan Hari Keputeraan Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah di Istana Negara di sini.

Datuk Seri Dr Mahathir juga berkata Rangka Rancangan Jangka Panjang (RRJP) yang kedua akan mengandungi Dasar Pembangunan Baru serta Rancangan Malaysia Keenam.

Melalui RRJP untuk tempoh sehingga tahun 2000, kerajaan akan melaksanakan program-program bagi mencapai pembangunan ekonomi yang seimbang supaya wujud satu masyarakat yang lebih bersatu padu dan adil, katanya. -- Lagi

♥05/06/11-21MST

CNS3037

U GB 05-06 00113 BA488

aab

Mahathir - Tahniah 2 Kuala Lumpur

Menurutnya, kerajaan akan meneruskan usaha membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat.

Perdana Menteri berkata ekonomi negara tahun ini dijangka mencapai kadar pertumbuhan melebihi 8 peratus, iaitu bagi empat tahun berturut-turut.

Katanya, kerajaan akan sentiasa mewujudkan iklim pelaburan yang baik bagi menarik lebih banyak pelaburan swasta.

Kesungguhan kerajaan supaya sektor swasta memainkan peranan penting sebagai jentera pertumbuhan utama dapat dilihat melalui dasarnya untuk mempergiatkan lagi penswastaan, katanya.

Langkah-langkah juga diambil bagi mengatasi masalah yang dibawa oleh pertumbuhan pesat ekonomi iaitu kekurangan pekerja dalam sektor-sektor tertentu dan tekanan ke atas kemudahan infrastruktur, kata beliau. -- Lagi

♥05/06/11-22MST

CNS3038

U GB 05-06 00130 BA489

aab

Mahathir - Tahniah 3 Kuala Lumpur

Bagi memastikan kedudukan kewangan negara tetap kukuh, Datuk Seri Dr Mahathir berkata kerajaan akan terus mengamalkan dasar jimat cermat dan berbelanja mengikut hasil pendapatan negara kerana ia telah mendatangkan kebaikan kepada negara.

Perdana Menteri juga berkata keadaan keselamatan negara pada keseluruhannya adalah terpelihara dan terkawal.

Bagaimanapun, kerajaan akan terus berwaspada bagi menjamin keselamatan negara tidak terancam, katanya.

Beliau juga berkata kerajaan berasa bangga kerana Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah mengambil berat serta menunjukkan minat yang mendalam terhadap fungsi kementerian, jabatan dan agensi-agensi kerajaan dengan membuat lawatan dan mendengar taklimat.

Katanya, minat yang mendalam itu sudah tentu meninggikan lagi semangat kakitangan kerajaan dalam usaha memberi perkhidmatan yang lebih cemerlang. -- Bernama